

**D.R. 17/2016**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2017.

**Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017**

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus lima puluh lapan bilion dua ratus lima puluh enam juta tiga ratus empat puluh satu ribu sembilan ratus ringgit (RM158,256,341,900) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

*Rang Undang-Undang*

## JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	113,140,000
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,130,000
B. 3	Jabatan Audit Negara	135,884,800
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	48,634,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	40,320,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	4,922,469,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	610,479,200
B. 8	Jabatan Peguam Negara	154,361,400
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	216,220,000
B. 10	Perbendaharaan	3,735,181,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	26,523,987,600
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,927,400,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	526,046,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	161,283,500
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,058,976,100
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	3,218,079,700
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	864,050,600
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	436,683,200
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	577,700,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	964,390,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	1,317,956,000

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	98,660,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	586,190,000
B. 31	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	785,830,000
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	240,763,900
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	15,770,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	23,462,797,400
B. 43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3,616,694,400
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	375,000,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	717,700,000
B. 47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,124,722,700
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,746,665,400
B. 60	Kementerian Pertahanan	11,683,740,000
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	11,857,184,500
B. 63	Kementerian Pendidikan	42,891,940,000
B. 64	Kementerian Pendidikan Tinggi	9,497,311,400
	JUMLAH	<u>158,256,341,900</u>

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak satu ratus lima puluh lapan bilion dua ratus lima puluh enam juta tiga ratus empat puluh satu ribu sembilan ratus ringgit (RM158,256,341,900) untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.